

10/10/2003

Kaedah pendidikan agama perlu perubahan

Salina Abdullah

KUALA LUMPUR: Ketua Pengarang Kumpulan The New Straits Times Press (M) Bhd (NSTP), Tan Sri Abdullah Ahmad, berkata kaedah pendidikan agama harus melalui perubahan secara menyeluruh supaya bangsa Melayu tidak terus dikongkong oleh ajaran agama yang disalah tafsir dan disempitkan dalam menghadapi cabaran globalisasi.

Beliau berkata, pemikiran bangsa Melayu sudah terlalu lama dibentuk oleh pendidikan agama yang memberi tumpuan kepada penghafalan disiplin klasik dan hanya menumpukan kepada acara keagamaan, cara berpakaian dan adab tertib.

Pendidikan Islam, katanya seharusnya menghidupkan jiwa serta menjana minda untuk menghadapi cabaran masa depan.

Beliau berkata demikian ketika membentangkan kertas kerja bertajuk 'Melayu dan Cabaran Globalisasi di Wacana Minda Melayu', anjuran Dewan Bahasa dan Pustaka di sini semalam.

Teks ucapan beliau dibacakan oleh Timbalan Pengarang Kumpulan Berita Harian Sdn Bhd (BHSB), Mior Kamarul Shahid.

Dalam menghadapi cabaran globalisasi, Abdullah berkata, bangsa Melayu tidak harus bertindak balas dengan cara tradisional iaitu berselindung di sebalik dogma agama, sekali gus mencerminkan pemikiran yang lesu.

Malangnya, beliau berkata sikap konservatif pada kebanyakan orang Melayu yang semakin menjadi, dicerminkan oleh ketaksuban mereka terhadap beberapa amalan dan simbol, menyebabkan daya intelek dan kehidupan spiritual mereka kaku dan tidak berkembang.

"Ini menyebabkan ramai Melayu mudah terpedaya oleh demagogi agama yang sentiasa menyalahkan Barat dan melepaskan rasa marah mereka terhadap Barat bagi segala masalah dan kesusahan yang berlaku pada masyarakat Islam. Hakikatnya, pemikiran sempit dan simplistik inilah yang mengukuhkan gambaran salah yang dibuat oleh Orientalis terhadap Islam yang dilakar sebagai ketinggalan, tidak rasional, fatalis dan fanatik.

"Jika bangsa Melayu mahu mengelak daripada tersisih oleh arus globalisasi, mereka harus kembali kepada budaya Quran yang terbuka dan bebas. Budaya yang hilang disebabkan penafsiran yang sempit dan tidak jelas.

"Mereka harus bebas daripada pemikiran ortodoks sebaliknya berjihad untuk menentang sistem pengetahuan yang lapuk dan mengembalikan kreativiti dinamik yang menghasilkan saintis, ahli matematik, ahli falsafah, artis dan pekerja mahir.

"Mereka harus melengkapkan diri dengan kemahiran dalam bidang teknologi maklumat dan komunikasi serta membangunkan bidang saintifik dan teknologi yang perlu. Kebangkitan intelektual ini penting bukan saja untuk kemajuan material dan pengkayaan kehidupan spiritual tetapi untuk memastikan bangsa Melayu terus hidup," katanya.

Sehubungan itu, Abdullah berkata, Melayu berpandangan sederhana perlu berusaha menidakkan suara ekstremis dalam masyarakat mereka. Mereka perlu menolak atau menghalang usaha pihak tertentu untuk menubuhkan negara Islam, yang berpandukan kepada tafsiran Syariah yang sempit.

Beliau mengakui tugas itu sukar berikutan umat Islam dalam keadaan keputungan disebabkan mereka dilabel oleh Amerika sebagai pengganas dalam tindakan Washington memerangi keganasan antarabangsa.

"Bagaimanapun, menyalahkan orang lain tidak akan membawa Islam dan orang Melayu ke mana-mana. Tambahan pula, Allah tidak akan membantu mereka yang

tidak mengubah nasib mereka sendiri," katanya.

Beliau berkata, sekali pun, globalisasi setakat ini terbukti membawa kemusnahan dan bencana kepada negara miskin, persoalan kini ialah bukan sama ada mahu menyertai dunia tanpa sempadan itu atau tidak, sebaliknya bagaimana untuk menghadapinya.

Hakikatnya, kata Abdullah, globalisasi adalah sesuatu yang nyata dan bangsa Melayu serta bangsa lain dan negara yang diancam bahaya globalisasi tidak boleh hanya berdiam diri dan melihat kuasa besar memusnahkan mereka.

"Cabaran yang dihadapi ialah untuk mempengaruhi pemikiran terhadap globalisasi, untuk mengubah rupa bentuknya dan untuk mengurangkan kemungkinan ia terpesong, seterusnya memusnahkan ekonomi dan negara," katanya memetik kata-kata Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dalam ucapannya pada Forum Ekonomi Dunia di New York, Februari tahun lalu.

Abdullah berkata, bangsa Melayu tidak ada pilihan lain, selain daripada menyertai tentangan dunia terhadap struktur dominan globalisasi kerana ia adalah bentuk baru imperialisme, berhasrat untuk menerus dan mendalamkan hubungan ekonomi, politik dan budaya tidak seimbang di antara negara maju dan negara membangun.

"Bangsa Melayu perlu bersama-sama dengan usaha untuk membubar ketidakadilan ini, mendesak kerjasama global yang mempromosikan kesaksamaan dan keadilan," katanya.

Untuk itu, bangsa Melayu perlu terus bekerjasama dengan bangsa Asia, Arab, Amerika, Afrika, Australasia dan Eropah yang mendesak kepada perubahan dan alternatif dalam struktur politik, ekonomi dan budaya.

"Walaupun hasilnya belum pasti, perjuangan menentang ketidakadilan global perlu diteruskan. Adalah penting bagi bangsa Melayu untuk melaksanakan perjuangan ini dengan tidak terikat oleh agenda sempit etnik atau agama kerana masa depan mereka amat bergantung kepada warga dunia lain, yang juga terancam oleh pemangsa globalisasi ini," katanya.